

Warga kampus yang dihormati,

Merujuk kepada pengumuman Jawatankuasa Pengurusan COVID-19 UM yang dikeluarkan pada 17 September 2021 berkenaan Proses Kemasukan Pelajar ke Kampus Secara Fizikal bagi Sesi Akademik 2021/2022, adalah dimaklumkan tarikh baharu kemasukan pelajar ke kampus adalah seperti berikut:

**A. Kemasukan Pelajar Baharu (Ijazah Sarjana Muda & Pasca Siswazah)**

1. Program UM-WOW akan diadakan pada 11-14 Oktober 2021 secara dalam talian; dan
2. Pendaftaran secara fizikal di kolej-kolej kediaman (secara berperingkat) akan bermula dari 15-16 Oktober 2021.

**B. Kemasukan Pelajar Senior (Ijazah Sarjana Muda & Pasca Siswazah)**

1. Pendaftaran secara fizikal di kolej-kolej kediaman (secara berperingkat) akan bermula dari 17 Oktober 2021; dan
2. Pelajar yang menginap di luar kampus boleh memasuki kampus mulai 17 Oktober 2021.

**C. Kemasukan Pelajar Baharu (Pengajian Asasi)**

Pendaftaran secara fizikal di kolej-kolej kediaman (secara berperingkat) akan bermula dari 23-24 Oktober 2021.

SOP terperinci akan dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dalam masa terdekat. Untuk sebarang maklumat lanjut berkenaan proses baharu kemasukan ini, para pelajar boleh menghubungi Bilik Gerakan COVID-19 BHEP di talian 03-79673216 atau alamat e-mel [covid19\\_bhpep@um.edu.my](mailto:covid19_bhpep@um.edu.my).

Sekali lagi, selamat datang dan kembali ke kampus. Jumpa anda semua nanti.

Sekian, terima kasih.

[#StaySafe](#)  
[#StayHealthy](#)

**PROFESOR IR. DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAMAN**

Pengerusi, Jawatankuasa Pengurusan COVID-19 UM  
Dikeluarkan pada 22 September 2021



Dear campus community,

Following the announcement of UM COVID-19 Management Committee issued on 17 September 2021 regarding the Student Admission Process to Campus Physically for Academic Session 2021/2022, please be informed that the new dates for admission to the campus for students are as follows:

**A. Admission of New Students (Bachelor & Postgraduate Degrees)**

1. The UM-WOW program will be held online from 11 to 14 October 2021; and
2. The physical enrolment (in stages) at residential colleges will begin from 15 to 16 October 2021.

**B. Admission of Senior Students (Undergraduate & Postgraduate)**

1. Physical enrolment (in stages) at residential colleges will begin from October 17, 2021; and
2. Students who are staying off-campus may enter the campus starting October 17, 2021.

**C. Admission of New Students (Foundation Studies)**

Physical enrolment (in stages) at residential colleges will begin from October 23-24, 2021.

Detailed SOPs will be issued by the Student Affairs Division (BHEP) very soon. Students may contact the COVID-19 Operations Room BHEP at 03-79673216 or email [covid19\\_bhep@um.edu.my](mailto:covid19_bhep@um.edu.my) for further information on this new admission process.

Once again, welcome and have a safe return to campus. See you all soon.

Thank you.

[#StaySafe](#)  
[#StayHealthy](#)

**PROFESOR IR. DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAMAN**  
Chairman, UM COVID-19 Management Committee  
Issued on 22 September 2021